



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## KENYATAAN MEDIA

### JAWATANKUASA PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN (JPPL) MEMBATALKAN LESEN PENGENDALI SYARIKAT BERHUBUNG INSIDEN KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN BAS PERSIARAN DI KM 16.6 JALAN GENTING HIGHLANDS, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden kemalangan melibatkan sebuah Bas Persiaran membawa pelancong Warganegara China seramai 18 orang, seorang pemandu pelancong dan dua (2) orang pemandu di KM 16.6 Jalan Genting Highlands, daerah Bentong, Pahang pada 29 Jun 2024 yang lalu.

2. Hasil siasatan APAD mendapati syarikat tidak mematuhi keperluan syarat berkanun lesen yang telah ditetapkan. APAD melalui Jawatankuasa Pembatalan dan Penggantungan Lesen (JPPL) pada 9 Julai 2024 telah memutuskan untuk **membatalkan Lesen Pengendali Syarikat M. Kumar Trans Tour Sdn. Bhd. termasuk apa-apa permit kenderaan syarikat yang telah dikeluarkan oleh APAD serta-merta atas kesalahan:**

***“Gagal mematuhi syarat lesen Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dan pemanduan secara berbahaya.”***

3. Semakan dengan agensi berkaitan juga mendapati syarikat ini turut mempunyai rekod saman lampau yang tinggi. Ditegaskan sebarang transaksi berhubung dengan Lesen Pengendali bagi syarikat berkenaan **tidak akan dibenarkan berkuatkuasa serta-merta.**

4. APAD sekali lagi ingin menegaskan pendirian untuk tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pemanduan kenderaan pengangkutan awam darat secara berbahaya. Pemeriksaan audit pematuhan dan keselamatan ke atas pengendali yang berisiko tinggi akan dipergiatkan untuk memastikan keselamatan pengguna sentiasa diutamakan.

5. Syarikat-syarikat pengendali juga diingatkan untuk memantau prestasi pemandu kenderaan masing-masing dan hendaklah memastikan aspek kebajikan pemandu adalah terjaga setiap masa dalam memastikan keselamatan terhadap pengguna jalan raya yang lain.

**AGENSII PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
11 JULAI 2024**



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**-TAMAT-**

---

**Tentang APAD:**

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

**Pertanyaan Media**

**Agensi Pengangkutan Awam Darat**

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail [ukk@apad.gov.my](mailto:ukk@apad.gov.my)